



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

POLYCC CATAT SEJARAH: PELAJAR PSMZA DOMINASI PEMILIHAN LATIHAN ECRL DI CHINA

KUALA LUMPUR, 7 Mei 2025 – Seramai 16 pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) berjaya terpilih menyertai Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) ke Liuzhou, China. Mereka merupakan sebahagian daripada 34 pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) yang diberi kepercayaan untuk menjalani latihan intensif industri bagi fasa Pengoperasian dan Penyelenggaraan (O&M) projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Majlis Penyerahan Surat Tawaran PLKI-ECRL telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, dalam satu majlis rasmi di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Pada majlis yang sama, POLYCC mencatat sejarah sebagai satu-satunya Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang terpilih dalam kumpulan pertama pelatih ke China, sekaligus mencatat jumlah penyertaan tertinggi dalam kalangan institusi TVET negara.

Kejayaan ini membuktikan kompetensi tinggi graduan POLYCC serta mengangkat martabat PSMZA yang bukan sahaja setanding, malah berjaya mengatasi IPT lain dalam pemilihan pelatih ke luar negara. Ini turut mencerminkan pengiktirafan industri terhadap sistem pendidikan TVET negara yang semakin diyakini dalam melahirkan tenaga kerja mahir berteknologi tinggi.

Hajah Zamra Derahman, Pengarah PSMZA meluahkan rasa bangga apabila pelajar PSMZA terpilih dalam kumpulan pertama seramai 102 pelatih yang akan memulakan latihan di China secara berperingkat bermula 15 Mei 2025. Menurut beliau, pemilihan ini mencerminkan keupayaan teknikal dan tahap kesediaan tinggi pelajar PSMZA, hasil dari latihan berasaskan industri serta sokongan fasiliti dan tenaga pengajar yang kompeten.

“Pemilihan ini juga merupakan hasil hubungan baik dan kerjasama erat yang terjalin antara PSMZA dan pihak Malaysia Rail Link (MRL) sejak sekian lama,” katanya.

Beliau turut menyatakan keyakinan bahawa latihan selama setahun ini akan menjadi batu loncatan penting kepada para pelajar untuk menyumbang secara langsung dalam fasa pengoperasian ECRL yang dijangka bermula Januari 2027.

Kejayaan ini membuktikan bahawa pendidikan berteraskan kemahiran yang ditawarkan oleh POLYCC mampu melahirkan graduan yang bukan sahaja kompeten tetapi bersedia bersaing di peringkat global, sejajar dengan aspirasi negara membina tenaga kerja masa hadapan yang berdaya saing dan berintegriti.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
7 MEI 2025**

KETERANGAN GAMBAR



Pengarah PSMZA bersama Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti beramah mesra bersama pelajar yang terpilih mengikuti PLKI-ECRL



Pelajar-pelajar POLYCC yang terpilih mengikuti PLKI-ECRL



Pengarah PSMZA bersama pelajar-pelajar PSMZA yang terpilih mengikuti PLKI-ECRL